

BAHAGIAN C : RUMUSAN  
[30 MARKAH]

Bahan 1 - Petikan

Baca petikan dan e-mel di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Pokok herba ialah tumbuhan yang dikategorikan sebagai pokok renek berbatang lembut ataupun keras dan mengandungi air yang banyak. Dahulu, pokok herba ini biasanya digunakan oleh masyarakat sebagai bahan ubat-ubatan untuk merawat penyakit dan makanan tambahan untuk menguatkan tenaga.

Kini, pengguna mula cenderung kepada produk semula jadi, lalu mereka memilih untuk menjadikan tumbuhan herba sebagai bahan utama kegunaan harian. Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil langkah proaktif menjalankan penyelidikan mengenai tumbuhan herba. Kementerian ini juga mengadakan kempen secara besar-besaran berkaitan penanaman tumbuhan herba untuk menyedarkan masyarakat tentang industri ini.

Bagi menyokong usaha kerajaan ini, agensi berkaitan pertanian telah mewujudkan taman-taman herba. Selain itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menubuhkan Taman Konservatori Pertanian yang menempatkan lebih 500 spesies tumbuhan herba yang berfungsi sebagai ubat-ubatan. Dalam pada itu, UPM dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA) telah bekerjasama menjalankan penyelidikan makmal secara klinikal untuk mencari penawar kepada penyakit kanser. Di samping itu, UPM turut menganjurkan Bengkel Pengenalan Tumbuhan Ubat-ubatan bagi mendedahkan masyarakat kepada kegunaan tumbuhan herba, kaedah penanaman dan penjagaannya.

Dipetik dan diubah suai daripada "Keajaiban Tumbuhan Herba"  
oleh Nazrul Azim Sharuddin, Utusan Malaysia, 10 Julai 2017,

Bahan 2 - Petikan E-mel

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penerima : noreen@zmail.com                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| Subjek : Petua Nenek                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| <p>Noreen, awak tahu tak bahawa bunga raya berwarna putih boleh dijadikan ubat? Nenek saya menggunakan bunga raya putih sebagai alat tuam untuk merawat bisul dan bengkak. Di sekeliling rumah nenek saya juga ada banyak pokok kaduk. Saya hampir keliru untuk membezakan antara daun kaduk dengan daun sirih kerana rupa bentuknya yang hampir sama. Nenek memberitahu saya, daun kaduk boleh dijadikan ulam, manakala akarnya digunakan untuk merawat sakit gigi, batuk, dan kulat pada kaki.</p> <p>Sahabatmu,<br/>Hasif</p> <p style="text-align: right;">Dipetik dan diubah suai daripada Herba Jadi Ubat</p> |

### **Arahan**

- kenal pasti fokus yang sesuai berdasarkan isi yang telah di garis

Bahan 1

warna kuning : fokus 1

warna hijau : fokus 2

Bahan 2

warna biru : fokus 1

- kemudian buat satu rumusan lengkap diruangan yang disediakan

### **Jawapan**